



27 Mei 2014  
27 May 2014  
P.U. (A) 143

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2014

### *ANTI-MONEY LAUNDERING AND ANTI-TERRORISM FINANCING (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN 2001**

**PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN  
PEMBIAYAAN KEGANASAN (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan Jadual Kedua) 2014**.

**Pindaan Jadual Kedua**

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dipinda dalam Jadual Kedua—

- (a) dengan memasukkan selepas kepala “Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*]” dan butiran yang berhubungan dengannya kepala dan butiran yang berikut:

“ <i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
<b><i>Akta Eksais 1976 [Akta 176]</i></b>	
Seksyen 71	Membuat pernyataan salah dan memalsukan dokumen
Seksyen 73	Keengganan untuk menjawab soalan atau memberi maklumat palsu
Seksyen 74	Mengelak duti eksais dan pengilangan haram barang yang berdutti

”;

- (b) dengan memasukkan selepas kepala “Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]” dan butiran yang berhubungan dengannya kepala dan butiran yang berikut :

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
<b>Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582]</b>	
Seksyen 67	Maklumat palsu
<i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
<b>Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Perlesenan) 2005 [P.U. (A) 516/2005]</b>	
Peraturan 5	Larangan terhadap mengeluarkan atau menjual, <i>dsb.</i> , tanpa lesen
Peraturan 21	Pematuhan syarat yang dikenakan atas lesen
Peraturan 40	Larangan terhadap pencurian
";	

- (c) dengan memasukkan selepas kepala “Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]” dan butiran yang berhubungan dengannya kepala dan butiran yang berikut:

<i>Kesalahan</i>	<i>Perihalan*</i>
<b>Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [Akta 731]</b>	
Seksyen 4	Larangan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang